

ANALISIS PERBANDINGAN KAEDAH PENENTUAN KEMISKINAN DARI PERSPEKTIF KONVENSIONAL DAN ISLAM

[COMPARATIVE ANALYSIS OF POVERTY DETERMINATION METHODS FROM A CONVENTIONAL AND ISLAMIC PERSPECTIVE]

NURFITRIYAH SALIHAH SHAHARIN,^{1*} AZRI BHARI,² NURUL 'AIN MOHD,²
MOHAMMAD MAHYUDDIN KHALID² & MOHD ASHROF ZAKI YAAKOB²

^{1*} Calon Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. E-Mail: fitriyahuitm@gmail.com

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor. E-Mail: azrib178@uitm.edu.my; ainmohd@uitm.edu.my; emkay@uitm.edu.my; ashrof@uitm.edu.my

Received: 19 April 2021

Accepted: 20 May 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Keadaan kemiskinan sebenar di Malaysia digambarkan tidak realistik apabila pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan hanya mengukur kemiskinan melalui dimensi pendapatan sahaja sedangkan banyak dimensi lain perlu diambil kira untuk menggambarkan kemiskinan sebenar di negara ini meskipun kadar asal PGK telah meningkat daripada RM 980 (2005) kepada RM 2,208 (2019). Walaubagaimanapun, kadar PGK masih penting untuk menentukan golongan yang layak menerima bantuan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan kaedah penentuan kemiskinan daripada perspektif konvensional dan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi dan kajian perpustakaan. Dalam menganalisis, kajian ini menggunakan kaedah pendekatan deskriptif. Data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis dan diperjelaskan. Hasil kajian ini mendapati penilaian kemiskinan menurut kedua-dua perspektif adalah sama yang mana aspek pendapatan dijadikan kriteria utama dalam penentuan kemiskinan dan pada masa yang sama indeks kemiskinan multidimensi digunakan bagi melihat dimensi kemiskinan lain dengan lebih holistik.

Kata Kunci: Kemiskinan, Unidimensi, Multidimensi, Had Kifayah.

Abstract: The real poverty situation in Malaysia is described as unrealistic when the poverty line income (PGK) used only measures poverty through the income dimension only while many other dimensions need to be taken into account to describe the real poverty in the country even though the original PGK has increased from RM 980 (2005) to RM 2,208 (2019). However, the PGK rate is still important to determine who is eligible for assistance. Thus, this article aims to discuss the methods of determining poverty from conventional and Islamic perspectives. This study uses a qualitative approach that involves data collection methods by documentation and library research. In analyzing, this study uses a descriptive approach method. The data that has been collected is then analyzed and clarified. The results of this study found that the assessment of poverty according to both perspectives is the same where the income aspect is the main criterion in determining poverty and at the same time the multidimensional poverty index is used to look at other dimensions of poverty more holistically.

Keywords: Poverty, Unidimensional, Multidimensional, Limit Kifayah

Cite This Article:

Nurfitriyah Salihah Shaharin, Azri Bhari, Nurul 'Ain Mohd, Mohammad Mahyuddin Khalid & Mohd Ashrof Zaki Yaakob. (2021). Analisis perbandingan kaedah penentuan kemiskinan dari perspektif konvensional dan Islam [Comparative analysis of poverty determination methods from a conventional and Islamic perspective]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(2), 1-17.

PENGENALAN

Usaha membasmi kemiskinan telah dijalankan sejak dahulu lagi di kebanyakan negara membangun yang rata-ratanya mempunyai pendapatan rendah berbanding negara-negara maju. Usaha ini boleh dilihat melalui kerjasama 192 buah negara ahli PBB dalam Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) untuk membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran dan kemudiannya diganti dengan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang bermatlamat sifar kemiskinan dalam apa cara dan di mana sekalipun. Di Malaysia, prestasi pengurangan kadar kemiskinan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya dikurangkan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 0.2 peratus pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Meskipun pelbagai program pembasmian kemiskinan telah dilakukan, namun masalah kemiskinan masih tetap wujud bahkan jurang ketidakseimbangan pendapatan dilihat semakin ketara selepas kadar PGK telah dinaikkan daripada RM 980 pada tahun 2005 kepada RM 2,208 pada tahun 2019. Melalui kadar baharu ini kadar kemiskinan meningkat kepada 5.6 peratus atau seramai 405,441 isi rumah yang miskin. Menurut Jabatan Perangkaan (2020), seramai 182,100 orang bersamaan 12.4 peratus penduduk di kawasan luar bandar dikategorikan sebagai miskin. Begitu juga jumlah penduduk bandar yang jatuh dalam kategori miskin adalah lebih tinggi, iaitu 223,300 orang meskipun peratusnya jauh lebih sedikit, iaitu 3.8 peratus. Ini menunjukkan bahawa program pembasmian kemiskinan perlu diberi perhatian khususnya miskin bandar.

Menurut Gopal et al. (2021), di antara langkah penting untuk membasmi kemiskinan adalah bagaimana kemiskinan itu ditafsirkan. Ini kerana pendefinisian konsep kemiskinan adalah berbeza mengikut masa dan negara. Pelbagai sebab yang mengundang kepada kemiskinan sebuah negara seperti keadaan bencana alam, kemarau, perang dan sebagainya menyebabkan tafsiran kemiskinan tidak tetap dan berbeza. Lantaran, pengukuran kemiskinan sedia ada tidak dapat mengenal pasti kemiskinan dengan baik seterusnya memberi kesan kepada pemberian bantuan dan insentif kepada golongan yang perlu diberikan bantuan. Laily (2017) menyatakan bahawa mengukur kemiskinan bukan suatu perkara yang mudah. Ini kerana terdapat isu berbangkit yang masih diperdebatkan sehingga kini seperti masalah data, tafsiran dalam menentukan orang miskin, persoalan mengenai keperluan asas dan pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah dengan bahagian setiap ahli yang berbeza, serta golongan tinggal di kawasan kemiskinan dan kerentanan.

Selain itu, laporan yang dikeluarkan oleh wakil PBB Philip Alston amat mengejutkan apabila dilaporkan bahawa Malaysia menggunakan cara pengiraan yang tidak tepat bagi mengukur tahap kemiskinan sebenar. Beliau telah mencadangkan agar kerajaan Malaysia mengkaji semula kaedah pengiraan yang lebih tepat. Menurutnya, garis kemiskinan yang digunakan kerajaan tidak realistik dengan kos sara hidup semasa iaitu RM 980. Kadar ini membolehkan sebuah isi rumah dengan empat ahli keluarga hidup dengan RM 8 sehari atau kurang (Alston, 2019). Menurut Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, Pensyarah Kanan Putra

Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), penentuan garis kemiskinan tidak terbatas kepada faktor fizikal iaitu hanya berpandukan pendapatan isi rumah sahaja sebaliknya perlu diluaskan kepada aspek sosial iaitu dengan mengambil kira kos perbelanjaan dan lokasi yang memberi kesan kepada kos sara hidup (Wan Noor Hayati, 2017).

Justeru, artikel ini akan membincangkan kaedah penentuan kemiskinan yang mana ia turut melibatkan tafsiran konsep kemiskinan secara umum. Perbincangan ini juga akan menekankan perbezaan tafsiran kemiskinan dari sudut unidimensi, dari sudut multidimensi dan dari sudut had kifayah.

KONSEP KEMISKINAN

Pendefinisian konsep kemiskinan adalah suatu perkara yang subjektif. Malah tiada suatupun yang tetap dan spesifik. Bahkan, kajian-kajian lepas mengenai kemiskinan telah dibincangkan pada pelbagai sudut secara meluas baik daripada tokoh-tokoh mahupun agensi yang terlibat dalam program membasmi kemiskinan.

Kemiskinan amnya dijelaskan sebagai kekurangan dalam bentuk harta benda atau wang. Selain itu, kemiskinan adalah ketidakupayaan untuk membuat pilihan dan memperolehi peluang (United Nation, 2005). Sen (1999) pula berpendapat selain dimensi pendapatan, kemiskinan perlu dilihat dari aspek kekurangan upaya isi rumah untuk memenuhi keperluan asas. Dalam hal ini ia merujuk kepada suatu keadaan seseorang individu yang mempunyai taraf hidup yang rendah dan tidak munasabah sekiranya dibandingkan dengan orang lain. Bahkan, individu ini tidak berkemampuan untuk membeli dan memenuhi keperluan seharian. Seseorang individu dianggap miskin apabila tidak mencapai piawaian dalam sebuah masyarakat dan mereka ini juga tidak berupaya untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan (Mohd Ali & Norzalinda, 2006). Spicker (1999) menyatakan antara keperluan asas yang tidak dapat dipenuhi disebabkan oleh kemiskinan seperti makanan, minuman, kesihatan, perlindungan, pendidikan, kemudahan sanitasi dan maklumat.

World Bank (2000) mentafsirkan kemiskinan sebagai kekurangan dalam pelbagai dimensi. Di samping itu, masyarakat antarabangsa dalam Sidang Kemuncak Pembangunan Sosial Dunia di Copenhagen pada tahun 1995 telah bersepakat menyetujui bahawa konsep kemiskinan multidimensi terdiri daripada ciri-ciri berikut:

- i. Tiada sumber pendapatan dan sumber produktif untuk kelangsungan hidup.
- ii. Kelaparan dan kekurangan zat
- iii. Tahap kesihatan yang rendah
- iv. Kekurangan kepada akses pendidikan dan perkhidmatan lain.
- v. Peningkatan kebolehjangkitan dan kematian akibat penyakit
- vi. Menjadi gelandangan atau mempunyai tempat perlindungan yang kurang sempurna.
- vii. Ancaman persekitaran
- viii. Didiskriminasi
- ix. Penyisihan sosial yang mengakibatkan individu ini kurang terlibat dan membuat keputusan bersama dalam aktiviti sosial, kemasyarakatan dan budaya.

Berdasarkan senario ini, “miskin” merujuk kepada individu yang memenuhi sebahagian kriteria di atas. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), istilah ‘miskin’ adalah seorang yang tidak berharta dan hidup dalam keadaan serba kekurangan dari sudut memperoleh barang-barang keperluan hidup. Norzita & Siti Hadijah (2014) mengatakan untuk mengenal pasti sebuah isi rumah itu miskin adalah berdasarkan ciri-ciri kekurangan atau masalah yang dihadapi. Ciri-ciri kekurangan ini terdiri daripada “dimensi kekurangan” selain pendapatan seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, pemilikan aset, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Setiap dimensi ini dianggap tepat untuk mengenal pasti isi rumah miskin kerana tidak dipengaruhi kadar harga tertentu dan boleh diaplikasikan bagi keseluruhan komposisi isi rumah di Malaysia tanpa mengira di mana isi rumah itu berada. Secara keseluruhannya, garis kemiskinan diperlukan untuk mengukur nilai keperluan minimum bagi menikmati taraf hidup yang selesa dan sempurna (Ngah, 1987). Dalam hal ini garis kemiskinan merupakan pelengkap dan kayu ukur setiap dimensi kekurangan kemiskinan.

KONSEP KEMISKINAN UNIDIMENSI

Di Malaysia, kajian berkaitan kemiskinan telah dibuat sejak tahun 1971 lagi. Antara yang terawal dan terpenting adalah kajian dalam RMK-5 yang mendefinisikan kemiskinan kepada dua konsep iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kedua-dua konsep ini diukur berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan. Satu daripada konsep tersebut merujuk kepada pendapatan berupa sejumlah wang tunai sahaja sementara konsep yang satu lagi adalah lebih menyeluruh dengan mengambil kira nilai hasil keluaran sendiri yang digunakan oleh isi rumah dan nilai rumah yang diduduki sendiri. Pendekatan yang berasaskan pendapatan ini dikenali sebagai ukuran unidimensi.

Kemiskinan unidimensi ialah kemiskinan yang dilihat atau diukur dengan menggunakan satu dimensi iaitu dimensi ekonomi. Dalam konteks kemiskinan, dimensi ini hanya mengukur dari segi pengeluaran dan pendapatan. Menurut (UNDP, 2018), kemiskinan adalah mereka yang hidup dengan perbelanjaan kurang \$1.90 atau bersamaan RM 7.95 sehari. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), mereka ini tidak mampu memenuhi keperluan asas hidup dan digelar sebagai miskin dari sudut pendapatan. Kemiskinan menurut Sachs (2005) adalah hasil daripada kepimpinan yang korupsi dan budaya yang mundur dan menghalang kepada pembangunan modenisasi.

Sebagaimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-5, kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif adalah kemiskinan yang terdapat di Malaysia. Keadaan ketidakupayaan seseorang individu atau isi rumah untuk mendapat keperluan asas harian demi menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah adalah merujuk kepada kemiskinan mutlak. Keperluan asas ini pula terdiri daripada makanan, pakaian, tempat kediaman, pendidikan dan perubatan (Norzita & Siti Hadijah, 2014). Manakala Laily dan Sharifah (2010) turut menyatakan bahawa kemiskinan mutlak ini diukur berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Kaedah diukur berdasarkan pendapatan sebuah isi rumah. Sebuah isi rumah dikategorikan miskin apabila pendapatannya berada di bawah garis kemiskinan, Sekiranya, pendapatan tersebut di atas garis kemiskinan maka ia tidak dikategorikan sebagai miskin. Konsep dan kaedah PGK ditentukan berdasarkan keperluan makanan dan bukan makanan setiap ahli isi rumah pada tahap minimum (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Jadual 1: Dimensi PGK 2019

| Bil | Dimensi | Item |
|-----|-------------------|--|
| 1. | PGK makanan | Sayuran dan buah-buahan |
| | | Nasi, bijirin lain, produk berasaskan bijirin (sebaiknya gandum) dan ubi |
| 2. | PGK bukan makanan | Legume, Ikan, ayam atau daging atau telur |
| | | Susu dan bahan tenusu lain |
| | | mengurangkan pengambilan lemak, makanan berminyak, gula dan garam |
| | | Pakaian dan kasut |
| | | Perumahan |
| | | Utiliti (air, elektrik, gas dan bahan api) |
| | | Perkakasan rumah |
| | | Kesihatan |
| 2. | makanan | Pengangkutan |
| | | Pendidikan |
| | | Komunikasi dan kebudayaan |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Hal ini berbeza pula dengan konsep kemiskinan relatif yang mengambil kira perkaitan antara status ekonomi individu dalam masyarakat yang terutamanya konteks agihan pendapatan. Agihan pendapatan yang rendah di bawah standard kehidupan menyebabkan seseorang dianggap miskin dalam konteks sosial tertentu (Kartini, 2016). Dalam erti kata lain, kemiskinan relatif perbandingan keadaan hidup satu kelompok masyarakat dengan kelompok masyarakat yang lebih baik. Contohnya, taraf hidup golongan pertengahan dibandingkan dengan golongan atasan, maka sudah tentulah taraf hidup golongan pertengahan ini dilihat miskin daripada golongan atasan (Siti Hadijah & Roslan, 2011). Dalam hal ini, terdapat persamaan antara kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif iaitu dari aspek pengukuran kemiskinan iaitu menggunakan dimensi pendapatan atau kewangan dengan membandingkan tingkat pendapatan seorang individu dengan pendapatan garis kemiskinan (PGK).

KONSEP KEMISKINAN MULTIDIMENSI

Kebanyakan kajian berkaitan kemiskinan menganggap pengukuran kemiskinan berdasarkan satu pemboleh ubah tidak menggambarkan kesejahteraan dan taraf hidup sebuah isi rumah sebenar seterusnya kurang memberi petunjuk yang tepat tentang kemiskinan. Pada masa kini, kesejahteraan manusia tidak hanya bergantung kepada pendapatan sahaja tetapi ia juga kepada pelbagai dimensi lain seperti kesihatan, kerohanian, pendidikan, sosial dan lain-lain. Ini bertepatan dengan pandangan Chamsuri (1988) bahawa konsep kemiskinan mempunyai pelbagai dimensi.

Siong (1988), melihat kemiskinan dari dimensi kesihatan dan pemakanan. Menurutnya, pendapatan rendah sebuah isi rumah mempengaruhi corak perbelanjaan pemakanan dan

penjagaan kesihatan dan akhirnya menyebabkan masalah kurang zat dan kebuluran. Masalah kurang zat ini adalah keadaan di mana kanak-kanak tidak mendapat nutrisi yang secukupnya melalui diet pemakanan yang seimbang. Perkara ini turut disokong oleh laporan daripada United Nations Children's Fund (2018) yang menyatakan seramai 97 peratus isi rumah yang terkesan dengan kenaikan harga barang yang mengakibatkan mereka tidak mampu untuk menyediakan makanan yang berkhasiat untuk anak-anak mereka. Ini menunjukkan bahawa kemiskinan bandar memberi kesan yang besar terhadap keperluan nutrisi harian kanak-kanak.

Meskipun pendapatan perbelanjaan atau bantuan makanan sebuah isi rumah meningkat, ianya tetap tidak dapat memenuhi sepenuhnya nutrisi harian secukupnya. Laporan *The State of Household II* yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) (2016), menganggarkan bahawa kos harian minimum untuk membeli makanan yang mencukupi, seimbang, dan sihat mengikut Malaysian Diet Guidelines (MDG) adalah antara RM25.21 dan RM38.45. Kajian ini mengambil pertimbangan lima ahli isi rumah yang mendiami di beberapa bandar utama di Malaysia. Perbandingan antara perbelanjaan untuk memenuhi keperluan MDG yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), didapati di luar kemampuan rakyat Malaysia di kawasan bandar, terutamanya untuk isi rumah yang berpendapatan hampir dengan PGK. Justeru, selain faktor pendapatan, faktor lain seperti demografi dan tahap kesedaran di Malaysia turut mempengaruhi tahap kesihatan dan pemakanan seorang individu.

Sutrahman (1996) pula melihat kemiskinan dari dimensi kerohanian. Menurutnya, kemiskinan masa kini banyak memfokuskan kepada kemiskinan berbentuk kebendaan dan hanya Islam sahaja yang memfokuskan kepada kemiskinan kerohanian. Miskin itu merujuk kepada jiwa yang kosong. Miskin jiwa menyebabkan seseorang individu mudah terdedah kepada pelbagai ancaman seperti akidah rosak, mengingkari etika dan akhlak, fikiran terganggu, kemerosotan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara. Ini disebabkan kemiskinan kebendaan dilihat sebagai masalah besar hidup sehingga mengabaikan amalan kerohanian dalam menuju kehidupan akhirat yang abadi.

Siti Masayu dan Narimah (2017) pula berpendapat bahawa kemiskinan mempunyai hubungan kait dengan pendidikan. Ini kerana, tahap pendidikan yang rendah seringkali berpunca daripada kemiskinan. Berdasarkan kajian kes yang dilakukan di Jajahan Bachok, Kelantan, faktor kewangan merupakan punca utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah di luar bandar. Ini disebabkan latar belakang ketua keluarga yang berpendapatan dan berpendidikan rendah turut memberi implikasi terhadap pencapaian pendidikan anak-anak mereka.

Di samping itu, golongan perempuan merupakan antara belia yang berasal daripada keluarga miskin yang sering ketinggalan dalam persekolahan. Ini kerana, golongan perempuan seringkali mempunyai halangan daripada anggota keluarga untuk memperolehi pendidikan. Sebagai contoh, golongan perempuan ini terpaksa menamatkan persekolahan untuk memberi bantuan kepada anggota keluarga mereka yang menghidapi penyakit (Katty et al. 2011). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh UNICEF pula, kanak-kanak yang berusia lima ke enam tahun sebahagiannya tidak mengikuti pendidikan pra-sekolah, tidak mempunyai alat permainan sebanyak empat daripada 10, tidak mempunyai sebarang buku sebanyak tiga daripada 10 dan majoritinya tidak mempunyai ruang yang selesa untuk belajar. Ini menunjukkan bahawa kemiskinan kanak-kanak dan belia di Malaysia lebih berisiko terdedah kepada kemiskinan.

Walaubagaimanapun, Suryawati (2005) berpendapat bahawa dimensi sosial turut menyebabkan kemiskinan. Ini merujuk kepada keadaan kekurangan untuk mencapai jaringan sosial yang mampu membantu meningkatkan produktiviti seorang individu. Kebiasaannya, faktor budaya menjadi penghalang untuk segelintir masyarakat melakukan perubahan. Ini kerana dalam budaya terdapat norma-norma yang mesti dipatuhi oleh masyarakat terutamanya dalam kegiatan seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian. Ada kalanya budaya menyebabkan masyarakat tersebut terus dibelenggu kemiskinan.

Justeru, jelaslah di sini bahawa kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa kemiskinan merupakan satu bentuk kekurangan yang dialami oleh seorang individu dalam sebuah masyarakat dan negara. Pengukuran kemiskinan dengan hanya menggunakan indikator pendapatan sebagai asas pengukuran garis kemiskinan pelbagai dimensi adalah kurang tepat untuk mengenal pasti tahap kemiskinan sebenar dalam sebuah masyarakat. Ini kerana kemiskinan adalah bentuk kekurangan dalam pelbagai dimensi. Indikator pendapatan dan perbelanjaan sedia ada tidak memberi maklumat yang spesifik mengenai sumber agihan antara isi rumah dan hanya mengukur tahap kemiskinan di peringkat isi rumah sahaja (Muhammad Fuad et al. 2019). Oleh itu, ukuran kemiskinan multidimensi merupakan alternatif lain bagi menggantikan ukuran kemiskinan sedia (Norzita & Siti Hadijah, 2014).

Berdasarkan standard OPHI, pengukuran kemiskinan multidimensi telah menggunakan kaedah Alkire Foster yang dibangunkan oleh Sabina Alkire and James Foster pada tahun 2007. Pada tahun 2018, OPHI dan UNDP telah membangunkan versi baru pengukuran kemiskinan multidimensi yang mana ianya masih mengekalkan kaedah Alkire Foster dan hanya disesuaikan dengan matlamat perkembangan pembangunan mapan (SDG). Ukuran kemiskinan ini menggunakan 3 dimensi yang utama iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup dan kemudiannya dipecahkan kepada 10 indikator-indikator yang lebih kecil iaitu 2 indikator untuk kesihatan dan pendidikan, manakala 6 indikator untuk taraf hidup.

Bagi menentukan siapa yang miskin, garis pemisah dimensi digunakan. Garis pemisah kemiskinan digunakan untuk menentukan siapa yang mengalami cukup kekurangan supaya boleh diklasifikasikan sebagai miskin multidimensi. Manakala, dimensi pemberat pula digunakan bagi menggambarkan kepentingan relatif bagi setiap kekurangan dalam dimensi yang berbeza. Kaedah ini juga dipercayai dapat menentukan siapa yang miskin dan seterusnya akan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang dihadapi (Alkire & Foster, 2011). Menurut UNDP (2018) seorang individu atau isi rumah dikategorikan sebagai kemiskinan multidimensi apabila pemberatnya berjumlah 30 peratus atau melebihi satu dimensi. Berikut adalah dimensi, indikator dan pengukuran yang dijelaskan secara terperinci:

Jadual 2: Dimensi Indeks Kemiskinan Multidimensi Alkire Foster

| Dimensi | Indikator | Pengukuran | Pemberat |
|-----------|----------------|---|----------|
| Kesihatan | Nutrisi | Terdapat ahli isi rumah 70 tahun ke bawah atau kanak-kanak yang mengalami malnutrisi. | 1/6 |
| | Kadar kematian | Mana-mana kanak-kanak yang mati bawah 18 tahun dalam | 1/6 |

| | | | |
|-------------|--------------------------|---|------|
| | | tempoh 5 tahun sebelum tinjauan. | |
| Pendidikan | Tamat persekolahan | Isi rumah 10 tahun ke atas yang tidak menamatkan dalam tempoh 6 tahun persekolahan | 1/6 |
| | Pendaftaran persekolahan | Kanak-kanak prasekolah yang tidak ke sekolah | 1/6 |
| | Jenis dapur | Menggunakan najis, kayu, arang atau batu arang | 1/18 |
| Taraf Hidup | Sistem sanitasi | Fasiliti sanitasi yang kurang baik (berdasarkan garis panduan SDG) atau berkongsi dengan isi rumah yang lain. | 1/18 |
| | Sistem sanitasi | Fasiliti sanitasi yang kurang baik (berdasarkan garis panduan SDG) atau berkongsi dengan isi rumah yang lain. | 1/18 |
| | Air minuman | Tidak mendapat kemudahan air atau akses untuk mendapatkan air minuman bersih 30 minit berjalan dari rumah. | 1/18 |
| | Bekalan elektrik | Tiada bekalan elektrik | 1/18 |

Sumber: OPHI, 2020

Kaedah Alkire Foster adalah pendekatan yang fleksibel yang mana pemilihan dimensi yang berbeza boleh dilakukan dan disesuaikan dengan pelbagai institusi dan keperluan dasar (Alkire, Kanagaratnam & Suppa, 2020). Alkire (2007) menegaskan dalam menentukan dimensi dan indikator yang hendak digunakan, penyelidik harus mempunyai justifikasinya yang tersendiri. Di Indonesia, indikator pengukuran kemiskinan multidimensi mengalami perubahan setelah melalui beberapa rujukan pakar yang arif dalam masalah kemiskinan di Indonesia (PRAKARSA, 2020). Di Columbia, 5 dimensi digunakan iaitu tahap pendidikan isi rumah, keadaan kanak-kanak dan belia, kesihatan, pekerjaan dan keadaan perumahan serta akses kepada perkhidmatan awam. Pengukuran 5 dimensi ini melibatkan 15 indikator (Alkire et al. 2020). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Siti Hadijah et al. (2012) di Baling, Kedah telah menggunakan 4 dimensi dan 14 indikator. Sementara Mohd Khairi et al. (2017) telah menambah 2 dimensi tambahan iaitu dimensi alam sekitar dan psikologi dalam membuat perbandingan kemiskinan antara peserta Projek Agropolitan Gahai, Lipis dan pekebun kecil getah.

Dalam konteks Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menyatakan bahawa Indeks Kemiskinan Multidimensi di Malaysia menggunakan 4 dimensi utama dan 11 indikator. Pemilihan dimensi dan indikator adalah sesuai dengan konteks pembangunan sosioekonomi masyarakat di Malaysia. Dimensi tersebut ialah pendidikan, kesihatan, taraf hidup dan

pendapatan. Semua dimensi mempunyai indikator dan garis pemisah yang merupakan piawaian kepada indikator. Ini bagi menentukan ketersisihan sebuah isi rumah.

Jadual 3: Dimensi MPI Malaysia

| Dimensi | Indikator | Garis Pemisah |
|-------------|--|---|
| Pendidikan | Jumlah tahun sekolah | Semua ahli isi rumah di antara 13 hingga 60 tahun mempunyai kurang daripada 6 tahun persekolahan. |
| | Kehadiran ke sekolah | Kanak-kanak di antara 6 hingga 12 tahun tidak bersekolah |
| Kesihatan | Akses kepada perkhidmatan kesihatan | Jarak ke kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada perkhidmatan kesihatan bergerak disediakan |
| | Akses kepada bekalan air bersih | Selain daripada bekalan air paip terawat dalam rumah dan paip air awam atau pili awam |
| | Keadaan tempat kediaman | Buruk atau mulai buruk |
| Taraf hidup | Kepadatan bilik | Melebihi 2 ahli isi rumah bagi setiap bilik |
| | Kemudahan tandas rumah | Selain tandas Tarik dan tandas curah |
| | Akses kemudahan pengutipan sampah | Tiada kutipan sampah berjadual |
| | Penggunaan kemudahan pengangkutan | Kesemua ahli isi rumah tidak menggunakan kemudahan pengangkutan persendirian atau kemudahan pengangkutan awam |
| Pendapatan | Akses kepada peralatan komunikasi asas | Tidak mempunyai telefon talian tetap atau telefon bimbit |
| | Pendapatan bulanan kasar isi rumah | Pendapatan bulanan kasar isi rumah kurang daripada PGK isi rumah |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

Secara keseluruhannya, kebanyakan negara termasuk Malaysia menjadikan Indeks Kemiskinan Multidimensi yang dibangunkan Alkire Foster sebagai rangka asas pengukuran kemiskinan multidimensi (MPI). Walaubagaimanapun, indikator, garis pemisah dan nilai wajaran yang dibangunkan ternyata berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Ini kerana setiap negara mempunyai darjah kemiskinan yang berbeza.

HAD KIFAYAH

Selain pendekatan konvensional, Islam telah mengukur kemiskinan berdasarkan had kifayah. Pengukuran had kifayah ini digunakan bagi mengukur kecukupan perbelanjaan, dengan membandingkan pendapatan kasar dan perbelanjaan minimum sesebuah keluarga atau individu. Fatwa Pengurusan Agihan Zakat Selangor 2002 mendefinisikan had kifayah sebagai agihan

zakat kepada asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati kepada keperluan asasi sebenar (LZS, 2010).

Dalam Maqasid Syariah, keperluan asasi ini adalah keperluan berbentuk dharuriyyah yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain yang bersesuaian (Sugeng & Asmak 2016). Namun dalam konteks masa kini, Mansor et al. (2017) berpendapat bahawa elemen dan kadar dalam had kifayah perlu dinilai dan ditambahbaik mengikut keadaan keperluan semasa. Ini bergantung kepada keadaan suatu tempat, masa dan individu. Elemen-elemen yang perlu ditinjau bagi melengkapkan kehidupan seseorang seiring dengan kehidupan semasa adalah seperti keperluan berkaitan komunikasi, buku-buku dan peralatan pelajaran anak-anak di peringkat sekolah ataupun universiti. Walaubagaimanapun, penentuan komponen ini adalah terpulang kepada setiap institusi zakat negeri. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa had kifayah adalah berbeza bergantung kepada bilangan ahli isi rumah dan kumpulan umur dalam isi rumah (Ahmad Fahme et al. 2014).

Had kifayah pula adalah suatu alat bagi mengukur kemiskinan. Secara mudah, ia adalah satu ukuran kecukupan seseorang untuk menanggung perbelanjaan bagi keperluan asas diri dan tanggungannya (Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, 2019). Ukuran kecukupan tersebut dibandingkan dengan pendapatan kasar dan perbelanjaan minimum sesebuah keluarga atau individu. Ini kerana keputusan yang diperolehi pula lebih spesifik dan tepat dalam menentukan taraf seseorang pemohon zakat, sama ada kaya, miskin ataupun fakir. Fatwa Pengurusan Agihan Zakat Selangor 2002 memberikan definisi had kifayah sebagai agihan zakat kepada asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati kepada keperluan asasi sebenar. Seiring dengan itu, maka institusi zakat wajar mengaplikasikan kaedah ini agar penentuan fakir miskin menjadi lebih tepat dan bantuan zakat lebih terfokus diuruskan (LZS, 2010). Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-85 yang telah bersidang pada 3 Disember 2013 telah menambahbaik takrif had kifayah iaitu had kifayah dari segi istilahnya ialah kadar minimum bagi keperluan asas dalam kehidupan seseorang.

Had kifayah zakat merupakan garis pemisah antara mereka yang perlu membayar zakat dan mereka yang berhak menerima zakat (Azman et al. 2017). Oleh itu, mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada had kifayah layak menerima zakat. Manakala mereka yang memperoleh pendapatan melebihi had kifayah perlu mengeluarkan. Zakat. Dalam erti kata lain, had kifayah merupakan tahap yang melebihi daripada tahap fakir dan miskin. Daripada aspek peratusan boleh dikatakan bahawa fakir berada pada tahap 30 peratus, miskin pula 80 peratus dan had kifayah 100 peratus (Anggoro & Asmak, 2016). Penetapan had kifayah adalah berbeza-beza dan berubah-ubah mengikut zaman dan tempat. Oleh itu, pihak pemerintah berperanan dalam menentukan had kifayah ini (Uwais, 2004). Di Malaysia, penetapan kiraan had kifayah berbeza antara negeri-negeri.

Hasanah (2017) berpandangan bahawa had kifayah di Malaysia ditakrifkan sebagai jumlah keperluan asas yang mana ia boleh dirujuk pada PGK. Kemudahan asas itu termasuklah pemilikan rumah, kemudahan capaian bekalan elektrik dan air serta kemudahan kutipan sampah, kebolehcapaian kepada perkhidmatan pendidikan dan kesihatan serta peralatan dan kemudahan isi rumah turut tersedia. Kemudahan asas turut dijadikan sumber data utama dalam pengukuran kemiskinan menggunakan kaedah Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa pengukuran

berdasarkan pendekatan pendapatan atau kewangan dalam had kifayah hampir sama dengan PGK.

Dalam menentukan had kifayah, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) telah menetapkan 6 elemen sebagai ukuran kadar had kifayah iaitu makanan, tempat tinggal, pakaian, kesihatan, Pendidikan dan pengangkutan (Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad, 2019). 6 aspek keperluan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (MAIWP, 2021).

- i. Perlindungan perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk seisi rumah termasuk sewa rumah, bil air, bil elektrik dan lain-lain yang berkaitan.
- ii. Makanan segala bahan makanan dan minuman yang dimakan oleh ahli rumah termasuk di luar rumah.
- iii. Pakaian segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian sekolah, kerja dan lain-lain yang berkaitan.
- iv. Perubatan merujuk kepada segala bentuk perubatan yang diambil oleh ahli rumah seperti hospital awam, farmasi dan lain-lain yang berkaitan.
- v. Pendidikan segala kos pendidikan ahli rumah seperti yuran pengajian, buku dan lain-lain yang berkaitan.
- vi. Pengangkutan segala kos berbayar ahli rumah seperti kos tambang dan lain-lain yang berkaitan.

Elemen had kifayah ini turut dinyatakan oleh Imam al-Nawawi yang mana had kifayah mesti ada segala perkara sama ada pakaian, makanan, tempat berteduh dan seumpamanya. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Zulfaqar et al. (2018) telah membincangkan elemen had kifayah berdasarkan pandangan ulama' fuqaha' iaitu pakaian, makanan dan minuman, tempat tinggal, kelengkapan rumah dan orang gaji bergantung kepada kelayakan, kuda, kitab-kitab, nikah, alat-alat pertukangan dan kemahiran. Di samping itu, beliau juga telah menambah elemen yang bersesuaian dengan realiti masa kini seperti perubatan dan perawatan, Pendidikan di sekolah dan universiti, kereta, alat komunikasi, peralatan komputer dan laptop, dan peralatan rumah. Para fuqaha juga menggariskan bahawa had kifayah mesti mengandungi beberapa elemen penting yang diperlukan oleh manusia bagi mencapai kemaslahatan hidup. Antaranya, perkara yang berkaitan dengan makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal dan kelengkapan, pendidikan, kesihatan, perkahwinan, pengangkutan dan alat perhubungan (Hamza, 2017). Mansor et.al (2017) turut menyatakan elemen keperluan lain perlu diambil kira dalam had kifayah seperti pekerjaan, sejumlah wang bagi sara hidup harian, kos-kos menampung hidup berkeluarga, serta keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan untuk tempoh jangka panjang.

Penetapan had kifayah di Malaysia ditentukan oleh institusi zakat dan dijadikan sebagai penanda aras keperluan minimum sebuah isi rumah dalam sebulan. Berpandukan kadar ketetapan tersebut, amil zakat akan menentukan pemohon yang layak menerima dan tidak layak menerima zakat (Sarah et al. 1976) Walaubagaimanapun, asas-asas item had kifayah perlu ditentukan selari dengan konsep maqasid Syariah dan kemudiannya disesuaikan dengan keadaan semasa dan setempat (Azman et al. 2017). Pendekatan maqasid Syariah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati tiada ketetapan tetap dalam penentuan elemen-elemen dalam had kifayah. Ini kerana penetapan ini menjadi tanggungjawab pemerintah untuk menentukannya. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diambil kira dalam menentukan item had kifayah iaitu:

- a. Penentuan berasaskan Maqasid Syariah dengan mengambil kira keperluan *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* dan
- b. Mengambil kira keperluan dan kos semasa.

Pengiraan had kifayah ini membandingkan pendapatan isi rumah individu yang memohon dengan jumlah perbelanjaan bulanan yang diperlukan. Seorang individu layak menerima bantuan zakat sekiranya jumlah pengiraan had kifayah lebih tinggi daripada pendapatan (MAIWP, 2020). Sekiranya kelayakan individu yang memohon melebihi had kifayah maka ia perlu mengeluarkan zakat (Mansor et al. 2017). Namun atas beberapa pertimbangan dengan mengambil kira kesusahan tertentu, individu yang pendapatannya melebihi had Kifayah juga layak untuk menerima zakat berdasarkan kriteria berikut (LZS, 2020):

- a. Status pekerjaan pemohon iaitu sama ada tetap atau sementara.
- b. Pemohon atau ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik, sakit yang memerlukan kos rawatan berterusan atau kecacatan anggota yang menghalang daripada bekerja secara aktif.
- c. Pemohon berumur lanjut atau tidak berupaya bekerja.
- d. Pemohon mempunyai tanggungan anak yang ramai.
- e. Ibu bekerja atau bapa tunggal yang memerlukan tambahan kos penjagaan anak-anak semasa bekerja.
- f. Lain-lain kesusahan yang dikenal pasti.

Justeru, had kifayah adalah kaedah penentuan pendapatan dan keperluan perbelanjaan minimum bagi seseorang individu dalam Islam. Namun ia tidak semestinya memerlukan kadar yang khusus (Mansor et al. 2017). Pengukuran mengikut kaedah Islam ini kemudiannya dibandingkan dengan teori barat iaitu kaedah Alkire Foster. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat persamaan indikator dalam kedua-dua kaedah tersebut dalam memenuhi keperluan asas manusia. Namun, kaedah dalam Islam terlebih dahulu mendahului dalam penentuan indikator fakir dan miskin dengan adanya pensyariatkan kewajipan menunaikan zakat.

PERBANDINGAN KAEDAH PENENTUAN KEMISKINAN DARI PESPEKTIF KONVENSIONAL DAN ISLAM

Jadual 1: Perbandingan Kaedah Penentuan Kemiskinan dari Perspektif Konvensional dan Islam

| Aspek Penentuan | Konvensional | Islam |
|-----------------|--|---|
| Pengukuran | Unidimensi dan multidimensi | Had kifayah |
| Kadar | Berpandukan nilai pendapatan garis kemiskinan (PGK) | Kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. |
| Indikator | Individu berpendapatan bawah nilai PGK dan kekurangan dari dimensi yang lain adalah miskin. | Menentukan mereka yang layak menerima zakat dan membayar zakat. |
| Matlamat | Unidimensi hanya menentukan isi rumah miskin dari aspek pendapatan. Multidimensi pula menentukan “ siapa yang miskin” berdasarkan aspek dimensi yang lain. | Menentukan kecukupan keperluan asasi harian bagi seorang individu dan tanggungannya |

Berdasarkan jadual 1 di atas, dalam menentukan kemiskinan pengukuran unidimensi dianggap terhad pengukurannya dan tidak dapat menggambarkan realiti kemiskinan sebenar. PGK adalah panduan di Malaysia yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perdana Menteri bersandarkan Laporan Survei Isi Rumah Dan Kemudahan Asas (HIS&BA) 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Individu yang mempunyai pendapatan di bawah PGK dianggap miskin. Selain itu, nilai PGK ini memukul rata semua isi rumah adalah sama tanpa mengambil kira sebarang perubahan dan kecenderungan sebuah isi rumah menjadi miskin asalkan pendapatan isi rumah itu berada di bawah nilai PGK maka dikategorikan sebagai miskin. Oleh sebab itu, ukuran kemiskinan multidimensi dibangunkan bagi mengenal pasti “siapa yang miskin” dan tahap kemiskinan sebuah isi rumah secara menyeluruh. Pada masa yang sama MPI juga membantu mengenal pasti aspek ketersisihan lain selain pendapatan.

Had kifayah pula berbeza yang mana pengukuran ini membezakan mereka yang layak menerima zakat dan mereka yang perlu membayar zakat. Had kifayah pula adalah kadar yang ditetapkan oleh institusi zakat dan had kifayah setiap negeri adalah berbeza sekiranya dibandingkan dengan pengiraan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang lebih seragam dalam membuat penentuan miskin dan miskin tegar berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Selain itu, had kifayah berbeza dengan PGK dan indeks kemiskinan multidimensi kerana had kifayah berperanan dalam menentukan kecukupan keperluan asasi harian bagi seorang individu dan tanggungannya berbanding dengan PGK yang hanya menentukan *had al-kafaf* masyarakat iaitu ia sekadar memenuhi keperluan terendah dalam masyarakat dan sekiranya pendapatan sebuah isi rumah kurang daripada kadar yang ditetapkan maka ia akan meletakkan isi rumah tersebut dalam situasi yang sukar untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Dari aspek dimensi penentuan kemiskinan, indeks kemiskinan multidimensi dan had kifayah menjadi pelengkap kepada pengukuran kemiskinan unidimensi iaitu aspek pendapatan. komponen dimensi dalam indeks kemiskinan multidimensi adalah pendidikan, taraf hidup dan kesihatan. Begitu juga dengan had kifayah penambahan dalam dimensi pengangkutan, makanan, dan pakaian.

KESIMPULAN

Berdasarkan tafsiran kemiskinan yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa kemiskinan merupakan keadaan serba kekurangan terutamanya keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan lain-lain disebabkan tingkatan pendapatan isi rumah yang rendah. Pada dasarnya, pengukuran multidimensi dan had kifayah dibangunkan untuk melengkapi pengukuran unidimensi yang menggunakan pendapatan sahaja dan bukan bertujuan untuk menggantikan pengukuran unidimensi ini. Ini kerana pengukuran unidimensi masih penting untuk mengenal pasti golongan yang perlu diberi bantuan. Oleh sebab itu, kemiskinan perlu dilihat secara holistik iaitu tidak hanya berpandukan pengukuran berdasarkan pendapatan tetapi multidimensi. Ini kerana gambaran keseluruhan diperlukan bagi mengenal pasti isi rumah miskin dengan lebih tepat. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pendekatan ini adalah saling melengkapi iaitu untuk membolehkan sebuah isi rumah memenuhi keperluan asas pada tahap paling minimum.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) di atas penajaan dana geran penyelidikan FRGS (600-IRMI/FRGS 5/3 (390/2019) bertajuk “Kajian Penentuan Asnaf Fakir Miskin Berasaskan Multidimensi di Institusi-institusi Zakat di Malaysia”.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Talib & Hasan Ahmad. 2019. Penilaian kelayakan asnaf fakir dan miskin berdasarkan had kifayah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. 1(4), 23-41.
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisal Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz & Fuadah Johari. 2014. Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8,14-26.
- Alkire, S & Foster, J. 2011. Understanding and Misunderstanding of Multidimensional Poverty Measurement. OPHI Working Paper No. 43. University of Oxford.
- Alkire, S. 2007. Choosing Dimension: The Capability Approach and Multidimensional Poverty, CPRC Working Paper 88, Chronic Poverty Research Center.
- Alkire, S., Kanagaratnam, U. & Suppa, N. 2020. ‘The global Multidimensional Poverty Index (MPI) 2020: OPHI MPI Methodological Note 49. United Kingdom: Oxford Poverty and Human Development Initiative, University of Oxford.

- Alston, P. 2019. *Statement by Professor Philip Alston, United Nations Special Rapporteur on Extreme Poverty and Human Rights, on his Visit to Malaysia, 13-23 August 2019*. Geneva: Office of The United Nations High Commissioner for Human Rights (OHCHR).
- Anggoro & Asmak. 2016. Eksplorasi Indikator dalam Menentukan Fakir dan Miskin Berdasarkan Had Al-Kifayah Zakat: Kajian di Lampung Indonesia. *Shariah Journal*, vol. 24 (3), 369-392.
- Azman A.R, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin & Zuhilmi Mohamed Nor. 2017. Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah. *Sains Insani* 2017, 2(1): 48-53.
- Chamhuri Siwar. 1988. *Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan: Satu Sorotan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gopal, P.S., Muhammad al Naufal Abdul Rahman, Nor Malina Malek, Singh, P. S. J. & Hong, L. C. 2021. Kemiskinan Adalah Satu Fenomena Multidimensi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 40-51.
- Hamza Abed al-Karim Hammad. 2017. The Limit of Sufficiency of the Zakat and its Components and the Extent of Their Difference According to Time and Place. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*, 7(2), 22-45.
- Hasanah Abd. Khafidz. 2017. *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikuti Masa dan Tempat*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Islam Malaysia.
- <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/had-al-kifayah> [2 Jun 2021].
- Institut Penyelidikan Khazanah. 2016. *The State of Households II*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. *Penemuan Utama*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid. 2016. Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78.
- Katty, Siao Jia Wong, Ti, Ching Yan & Janice, Lay Hui Nga. 2011. Kemiskinan dan Pendidikan: Kesan dan Cabaran di Kalangan Belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 5, 55-76.
- Laily Paim & Sharifah Azizah Haron. 2010. Konsep dan pendekatan mengukur kemiskinan. Dalam Laily Paim & Sharifah Azizah Haron (eds.), *Kemiskinan di Malaysia: Isu fundamental dan paparan obiliz*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laily Paim. 2017. "Kemiskinan & Kerentanan" *Penelitian Konsep dan Pengukuran dalam Era Revolusi Industri 4.0*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaya.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2010. Fakir, Miskin dan Had al-Kifayah. <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/fakir-miskin-dan-had-al-kifayah-2/> [2 Jun 2021].

- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2020. Asas Pertimbangan Had Kifayah. <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/maklumat-agihan/kriteria-penerima/> [2 Jun 2021].
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). 2021. Had al-Kifayah Baitulmal MAIWP.
- Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, Noradilah Md Nordin & Saharudin Ramli. 2017. Had al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2 (1), 34- 44.
- Mohd Ali Hanafiah & Norzalinda. 2006. Memahami kemiskinan. Dlm. *Isu-isu & pendidikan kerja sosial*, hlm. 111-112. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Khairi Ismail, Chamhuri Siwar & Rospidah Ghazali. 2017. *Penggunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi dalam Kajian Kemiskinan: Analisis Perbandingan*. Bangi: Kumpulan Penyelidikan Penghidupan Lestari & Penilaian Kelestarian, Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI).
- Muhammad Fuad Abdullah, Azmah Othman & Rohana Jani. 2019. Pengukuran Kesejahteraan Hidup Orang Asli Menggunakan Indeks Kemiskinan Multidimensi. *Akademika*, 89(3), 155-165.
- Ngah Kamaruddin. 1987. Kemiskinan. *Utusan Malaysia*, 26 Oktober: 10-12.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. 2014. Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritik. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(1): 167-177.
- PRAKARSA. 2020. *Indeks Kemiskinan Multidimensi Indonesia 2015-2018*. Jakarta: Perkumpulan PRAKARSA.
- Sachs, J. 2005. *The End of Poverty: Economic possibilities for our time*. New York: The Penguin Press.
- Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid. 1976. Penentuan Haddul Kifayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Pelajar Prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taqiuddin Mohamad (pnyt), *Isu Kontemporari Agihan Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Sen, A. 1999. *Development of Freedom*. United Kingdom: Oxford.
- Siong, T. E. 1988. Kemiskinan: Dimensi Kesihatan dan Pemakanan. Dlm. Chamhuri Siwar & Mohd Haflah Piei (pnyt.). *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan*, hlm. 63-88. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hadijah Che Mat & Roslan Abdul Hakim. 2011. Jangka Masa Keluar daripada Kepompong Kemiskinan dan Katermiskinan: Kajian Kes di Kedah Darul Aman, Malaysia. *IJMS*, 18(2), 217-236.
- Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali. 2012. Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritik. *Prosiding Perkem VII*, Jilid 1, 181-191.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. 2018. Kemiskinan Keluarga Dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Science and Humanities*, 13 (2), 11-23.
- Spicker, P. 1999. Definition of Poverty: Eleven Clusters of Meaning. In. Gordon, D. & Spicker, P. (Eds.), *The International Glossary on Poverty*. New York: Zed Books Ltd.

- Surtafman Kastin Hassan. 1996. Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam. Dlm. Chamhuri Siwar & Nor Aini Idris (pnyt.). *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Islam*, hlm. 70-81. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suryawati, C. 2005. Memahami Kemiskinan Secara Multidimensi. *JMPK*, 8(3), 121-129.
- United Nation Development Programme (UNDP). 2018. Human development reports: The 2018 global multidimensional poverty index (MPI). <http://hdr.undp.org/en/2018-MPI>.
- United Nations Children's Fund. 2018. *Kanak-kanak Pinggiran: Satu Kaji Selidik Mengenai Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-Kanak Bandar di Flat Kos Rendah di Kuala Lumpur*. Putrajaya: United Nations Children's Fund.
- United Nations, 1995. Report of the World Summit for Social Development (Diakses pada 7 Mei 2021).
- Uwais, Abd al-Halim. 2004. *MaWsu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al Wafa'.
- Wan Noor Hayati Wan Alias. 2017. Kaji semula indeks kemiskinan. *Berita Harian*, 19 Disember: 8.
- World Bank. 2000. *World Development Report 2000/2001: Attacking Poverty*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Zulfaqar Mamat, Azman Abdul Rahman & Hamzah Abdul Karem Hamad (2018). Penentuan Had Kifayah dan Elemen Keperluannya Dalam Pembahagian Zakat Semasa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 105-127.